

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG
(BAGAN)
TARIKH : 17.11.2015
(SELASA)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan tentang status Lapangan Terbang TUDM di Butterworth seluas 1,000 ekar yang diumumkan akan dipindahkan ke tapak baru di mana pengkalan tentera yang baru akan dibina demi menjalankan projek pembangunan di tapak asal yang bernilai RM20 billion.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan pemindahan dan pembangunan semula Pangkalan Udara Butterworth masih di peringkat kajian dan penelitian Kementerian. Banyak proses yang masih berlangsung dan perlu diambilkira sebelum Kerajaan membuat keputusan ke atas cadangan berkenaan.